



BULETIN NADI HAYAT



YBr. Dr. G. Mohan A/L.A. Gopal Naidoo Pengarah Hospital Hospital Tuaran

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat

- Dr. Maegyvear Pimid
- Chan Yen Mii
- David Dominicus
- Jack Richie Lee
- Jessica Yampai
- Lyncica Bonar
- Bartholemew G. Lee
- Normie E. Surin
- Clarice Jariman
- Ag. Ramlan Ag. Murshid
- Nooraini Armando
- Fredolin Andrew Sipail
- Ricardo Geonan Majutin



PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI BAHARU FARMASI PANDU LALU HOSPITAL TUARAN

Pada 21 April 2020, Jabatan Farmasi Hospital Tuaran telah memperkenalkan satu lagi perkhidmatan tambah nilai baharu iaitu Farmasi Pandu Lalu. Perkhidmatan ini memberi kemudahan dan alternatif kepada pesakit Hospital Tuaran untuk mendapatkan ubat susulan bagi rawatan penyakit kronik. Perkhidmatan yang berkonsepkan pandu lalu ini, memudahkan pesakit, di mana pesakit tidak perlu mengambil nombor dan menunggu giliran di farmasi pesakit luar untuk mendapatkan ubat susulan. Konsep pandu lalu ini juga memberikan satu kelebihan kepada pesakit dengan tidak perlu mencari tempat letak kereta di kawasan hospital, sebaliknya hanya perlu memandu terus ke laluan di hadapan Farmasi Pandu Lalu untuk mengambil bekalan ubat. Perkhidmatan tambah nilai ini dijangka dapat membantu mengurangkan kesesakan pesakit dan mengekalkan penjarakan sosial dalam mencegah penularan penyakit berjangkit.

Awalnya, perkhidmatan ini disediakan pada sebelah petang sahaja. Namun bermula pada 13 Julai 2020 dengan mengambil kira keberkesanan perkhidmatan ini serta kemudahan kepada pesakit, Jabatan Farmasi telah menambah waktu operasi kepada dua sesi iaitu, sesi pagi (8.00 pagi hingga 10.00 pagi) dan sesi petang (2.00 petang hingga 4.30 petang) pada hari bekerja. Pesakit atau penjaga yang ingin menggunakan perkhidmatan ini perlulah mendaftar terlebih dahulu dan pendaftaran adalah mudah. Pesakit atau penjaga hanya perlu menghantar gambar preskripsi (depan dan belakang) melalui aplikasi *WhatsApp* kepada nombor telefon Farmasi Pandu Lalu sekurang-kurangnya tiga hari bekerja sebelum tarikh mengambil ubat dan perlu mendapatkan maklum balas dari pihak farmasi. Pesakit atau penjaga yang telah mendapat maklum balas hanya perlu membawa preskripsi ke Farmasi Pandu Lalu pada masa dan tarikh yang ditetapkan untuk mendapatkan ubat. Semoga perkhidmatan tambah nilai ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pesakit Hospital Tuaran.

Disediakan oleh, Chan Yen Mii, Pegawai Farmasi

Kami Sedia Membantu
Pelayanan • Profesionalisme • Setia Berkomitmen

FARMASI PANDU LALU HOSPITAL TUARAN LOKASI

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Jabatan Farmasi, Hospital Tuaran
No Tel: 088-788224/ 088-788327 (sambungan: 4124 atau 4110)

Kami Sedia Membantu
Pelayanan • Profesionalisme • Setia Berkomitmen

LAMA TUNGGU UBAT? SUSAH CARI PARKING?

FARMASI PANDU LALU HOSPITAL TUARAN

JOM DAFTAR! PENDAFTARAN

- AMBIL GAMBAR PRESKRIPSI DEPAN DAN BELAKANG
- HANTAR GAMBAR PRESKRIPSI SEKURANG-KURANGNYA 3 HARI BEKERJA SEBELUM TARIKH AMBIL UBAT KE
- TUNGGU MAKLUMBALAS DARI PIHAK FARMASI
- BAWA PRESKRIPSI KE KAUNTER FARMASI PANDU LALU PADA MASA YANG DITETAPKAN

WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU LALU
ISNIN - JUMAAT
8 pagi - 10 pagi & 2 petang - 4.30 petang
Sabtu, Ahad, Cuti Umum: Tutup

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Jabatan Farmasi, Hospital Tuaran
No Tel: 088-788224/ 088-788327 (sambungan: 4124 atau 4110)



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



HOSPITAL TUARAN

- Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah
- 088-788224 / 088-797100
- 088-788167
- <http://htuaran.moh.gov.my>
- @hospitaltuaran

TAHUKAH ANDA?

Jabatan Farmasi Hospital Tuaran turut sediakan perkhidmatan:

- MediLocker
- Kad Temu Janji
- SMS & Ambil
- Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB)

Sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan ini, bolehlah berhubung terus dengan Farmasi Hospital Tuaran.

COVID-19

<http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* coronavirus (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Dalam menangani kluster atau wabak jangkitan SARS dan MERS-CoV, pematuhan kepada prinsip kesihatan awam yang ketat serta pengawalan jangkitan telah membolehkan kluster atau wabak penyakit tersebut dihentikan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yakin dengan mengamalkan prinsip yang sama kita akan berjaya menangani kluster jangkitan COVID-19 ini.

KKM kini sedang mengawasi perkembangan jangkitan ini dan situasi sentiasa berubah dan akan mengemaskini maklumat penyakit ini dalam laman sesawang KKM dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan mengamalkan kebersihan diri yang baik

Pemakaian penutup mulut dan hidung surgical atau 3-ply face mask adalah disyorkan kerana ia membantu mengurangkan penyebaran virus dan lebih praktikal untuk digunakan oleh orang awam. Ia bagi menghalang pendedahan orang lain kepada titisan dan percikan air liur orang yang memakai penutup mulut dan hidung ini.

KKM telah memantau situasi wabak jangkitan COVID-19 ini secara harian melalui sumber-sumber yang sahih sejak 10 Januari 2020, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- Membuka Bilik Gerakan COVID-19.
- Menyediakan dan mengeluarkan kenyataan akhbar memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini wabak ini.
- Membuat saringan gejala di pintu-pintu masuk antarabangsa Malaysia.
- Membuat saringan gejala di fasiliti kesihatan, membuat rujukan dan isolasi kes di hospital/hospital terpilih.
- Menjalankan pemantauan kontak di rumah atau tempat-tempat pengasingan yang termaktub dalam Perintah Pemantauan dan Pengasingan.
- Meningkatkan kapasiti isolasi di hospital.
- Memantapkan kapabiliti makmal dalam menjalankan ujian pengesanan virus novel ini.
- Menjalankan latihan kepada kakitangan kesihatan khususnya penggunaan alat pelindung diri (PPE) yang betul.
- Memastikan stockpile PPE dan ubat-ubatan bagi merawat gejala dan komplikasi mencukupi.
- Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan virus nCoV ini melalui media sosial dan media cetak.



Pihak KKM telah menyediakan pelbagai poster kesedaran Covid19 ini di laman web <http://covid-19.moh.gov.my/infografik>

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR		
BULAN	JUMLAH (PURATA)	
APRIL	3,086	
MEI	2,532	4,464
JUN	7,773	
JUMLAH	13,391	

BANCIAN PESAKIT DALAM (76 KATIL)			
WAD	APRIL	MEI	JUN
PEREMPUAN	72.00%	59.52%	60.83%
LELAKI	74.67%	66.94%	77.00%
BERSALIN	95.00%	65.21%	58.33%
PEDIATRIK	81.06%	83.03%	83.03%
PURATA	79.56%	67.15%	71.05%

BILANGAN IBU BERSALIN		
BULAN	JUMLAH	
APRIL	174	
MEI	127	393
JUN	92	

Sumber: Unit Rekod Perubatan

ISTILAH SEMASA COVID-19

Bidang: Sosiologi

NEW NORMAL

KEBIASAAN BAHARU

Tindakan atau tingkah laku yang baharu atau tidak seperti kebiasaan untuk dijadikan standard atau biasa disebabkan oleh sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit, dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu.

KEMPEN DERMA DARAH		
BULAN	LOKASI	DARAH
APRIL	5	133
MEI	1	42
JUN	3	103
JUMLAH	9	278

Sumber: Unit Transfusi Darah

Step by step and the thing is done.
Charles Atlas

AUDIT PEMATUHAN MS ISO

Walaupun dalam keadaan PKP yang menghadkan pergerakan kebanyakan rakyat Malaysia, Hospital Tuaran sentiasa memastikan perkhidmatan hospital terganggu dengan keadaan ini. Audit Pematuhan MS ISO yang telah dijadualkan lebih awal, tetap dilakukan pada 12 - 14 Mei 2020. Dengan teknologi yang tersedia, pihak Lloyd's dan Hospital Tuaran dapat menjalankan audit ini melalui sidang video. Audit ini telah berjalan dengan lancar dengan pihak Lloyd's berpuas hati dengan komitmen dan inisiatif yang dijalankan di Hospital Tuaran.



TEMU MESRA PENGARAH HOSPITAL

Satu temu mesra oleh Pengarah Hospital (PH) bersama warga kerja hospital telah diadakan pada 12 Mei 2020. Dengan kesibukan warga kerja hospital, PH sendiri telah berjumpa dengan semua warga hospital di setiap wad. Di kesempatan bulan Ramadhan, PH turut menyumbangkan juadah berbuka puasa kepada semua warga hospital. Melalui program ini, dapat eratkan lagi silaturahim sesama warga hospital dan memastikan keharmonian sentiasa terjaga. Inisiatif PH ini memberikan reaksi yang positif daripada warga kerja.



When one must, one can.
Charlotte Whitton

MAJLIS PELANCARAN VIDEO PANDUAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN

Hospital Tuaran telah menyediakan satu video yang menunjukkan cara untuk mengambil suhu badan dengan betul. Video ini bertujuan agar pengambilan suhu badan dapat dilakukan dengan betul. Video ini dilancarkan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB DSP Wilfred Madius Tangau pada 5 Jun 2020 di Lobi Hospital Tuaran. Majlis ini diadakan dengan garis panduan Covid 19 yang dihadkan 25 orang semasa pelancaran. Pelancaran Buletin Nadi Hayat Edisi 28 juga diadakan. Turut hadir Pengarah Hospital, wakil Pejabat Daerah Tuaran dan beberapa ketua jabatan kerajaan daerah Tuaran.



PENYERAHAN KUBIKEL SARINGAN COVID 19

Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu (ILKPP) melalui program Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) telah membina satu kubikel saringan Covid 19 bagi memastikan petugas kesihatan sentiasa selamat semasa membuat saringan ini. Pembinaan kubikel ini merupakan satu inisiatif dan kreativiti yang dilakukan sepenuhnya oleh ILPKK. Cara penggunaan kubikel turut diadakan semasa penyerahan kubikel ini. Kubikel ini diserahkan oleh Pengarah ILPKK pada 22 April 2020 dan diterima oleh Pengarah Hospital Tuaran, YBrs. Dr. G. Mohan di khemah saringan Covid 19 Hospital Tuaran. TERIMA KASIH ILPKK.



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Pemeriksaan Bersama Agensi Lain
Persediaan Pusat Kuarantin Tuaran
14 April 2020




Penyerahan PPE oleh St. John
kepada Hospital Tuaran
15 Mei 2020



Penyerahan Kubikel Saringan
Covid 19
22 April 2020



Penghargaan kepada Pn. Suzinah
Gosiosh bertukar Jabatan
15 Mei 2020



Jom Baca Bersama untuk 10
Minit
23 April 2020



Penyerahan Sumbangan Amal HTrn
ke Rumah Anak Yatim HOME Tuaran
20 Mei 2020



Menerima Sumbangan Bubur
Lambuk daripada TKM Sabah
14 Mei 2020



Majlis Sambutan Hari Raya
Hospital Tuaran
19 Jun 2020



Majlis Penghargaan kepada PJ Flora
Asing
14 Mei 2020



Aktiviti Daki Bukit Ruhiang
bersama TPKN (Perubatan) Sabah
27 Jun 2020

KEINDAHAN LANSKAP HOSPITAL TUARAN



With the new day comes new strength and new thoughts.
Eleanor Roosevelt